

Khutbah Jumaat di Masjid UMP (Pekan) – 13 Oktober 2017

Khatib : Dr. Mohd. Suhardi bin Mat Jusoh (Pensyarah PBMSK)

Tajuk : **Toleransi Dengan Orang Bukan Islam Suatu Tuntutan Dakwah**

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT

Marilah kita sama – sama meningkatkan ketaqwaan diri kita kepada Allah S.W.T. dengan menurut segala perintahNya serta meninggalkan tegahanNya biarpun bertentangan dengan kehendak hawa nafsu kita kerana sesungguhnya ketaqwaan itu melambangkan tahap keimanan diri kita kepada Allah SWT.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT

Kita benar – benar bersyukur ke hadrat Allah SWT di atas nikmat keamanan negara kita yang dikecapi sehingga ke hari ini di. Sebagai sebuah negara yang terdiri dari pelbagai etnik, agama dan budaya, kita sama – sama bertanggungjawab untuk memelihara nikmat keharmonian dan perpaduan ini. Untuk itu, tajuk khutbah Jumaat hari ini ialah **Toleransi Dengan Orang Bukan Islam ; Suatu Tuntutan Dakwah.**

Sebagai agama yang bersifat “ rahmatan li Alamin “, Syariat Islam telah pun menggariskan beberapa prinsip penting dalam kehidupan bermasyarakat khususnya prinsip toleransi dalam konteks masyarakat majmuk. Hal ini kerana menjurus kepada kebijaksanaan Allah SWT yang telah mencipta manusia dalam pelbagai bentuk dan rupa dengan tujuan untuk mereka berkenal- kenalan di antara satu sama lain. Oleh itu, di antara prinsip toleransi yang perlu difahamai ialah amalan hormat menghormati dan berbaik kepada non – muslim seperti yang disebut di dalam ayat :

“ Dan janganlah kamu mencela benda yang mereka sembah selain dari Allah SWT kerana kelak mereka akan mencaci Allah SWT secara melampaui batas tanpa pengetahuan “

(al-‘An’am : 108)

Melalui ayat ini, orang – orang Islam dilarang sama sekali mencemuh dan mengejek orang bukan Islam kerana dikhuatiri adanya tindak balas yang serupa dari mereka. Sebaliknya, orang – orang Islam dianjurkan supaya berbuat baik, menghormati serta memelihara hak – hak mereka seperti yang disebut dalam firman Allah SWT yang berbunyi :

“ Allah SWT tidak melarang kamu dari berbuat baik dan berlaku adil kepada orang yang tidak memerangi kamu kerana agama mu dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, Sesungguhnya Allah SWT mengasihi orang yang berlaku adil “

(al-Mumtahanah : 8)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT

Prinsip toleransi yang sebenar telah pun ditunjukkan oleh Rasulullah SAW ketiga Baginda SAW mendirikan

kerajaan Islam Madinah.

Berdasarkan perlembagaan Madinah (Sahifah), orang – orang bukan Islam boleh hidup bersama – sama dengan orang Islam dan mereka dibenarkan mengamalkan agama mereka masing-masing. Hakikat ini membuktikan bahawa orang – orang non- muslim yang berada di bawah payung pemerintah Islam, maka keamanan mereka dijamin oleh Islam. Lantaran itu, Nabi SAW bersabda :

“ Sesiapa yang menyakiti orang bukan Islam yang berada di bawa perlindungan Islam maka ia telah menyakiti aku dan sesiapa yang menyakiti aku maka dia menyakiti Allah SWT “.

(riwayat Imam Daud)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT

Dalam konteks memahami prinsip toleransi yang dikehendaki oleh Islam, asas yang terpenting ialah mencontohi amalan dan keperibadian Rasulullah SAW sendiri sebagai seorang Rasul dan pemimpin negara. Melalui prinsip toleransi yang tinggi, maka risalah Islam dapat di terima oleh anggota masyarakat yang berbilang kaum. Dengan itu, maksud “ rahmatan li Alamin “ dapat diterjemahkan dalam masyarakat majmuk. Dengan cara ini, Kebaikan Islam dapat ditonjolkan dalam bentuk yang paling bijaksana. Benarlah firman Allah SWT yang berbunyi :

“ Serulah ke jalan tuhan mu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat yang baik dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik.

(al-Nahlu ; 125)